

**Perkasa P.Pinang Minta IWK Kaji Kenaikan Caj Hampir Lima Kali Ganda  
Bernama  
6 Sept, 2013**

GEORGE TOWN, 6 Sept (Bernama) -- Perkasa Pulau Pinang Jumaat menggesa Indah Water Konsortium (IWK) mengkaji semula tarif caj pemetungan dari tangki jenis tandas curah yang meningkat hampir lima kali ganda, berkuatkuasa Julai lepas.

Ketua Wira Perkasa negeri Mohd Rizuad Mohd Azudin berkata kadar baharu sebanyak RM230 bagi proses mengepam keluar sisa kumbahan bagi kapasiti di bawah 2.5 meter padu dan RM360 untuk 2.5 meter padu ke atas, berbanding hanya RM48 dikenakan sebelum ini.

"Kita terima banyak aduan daripada penduduk terutama yang tinggal di luar bandar serta kawasan rendah mengatakan tangki septik mereka mudah penuh bukannya akibat sisa kumbahan tetapi akibat limpahan air hujan sehingga terpaksa dipam sebulan sekali," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Katanya kenaikan caj mendadak itu tidak sepatutnya melibatkan pemilik rumah yang mempunyai tangki septik sendiri terutama penduduk kampung yang kebanyakannya golongan berpendapatan rendah.

"Ini tidak adil jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di pangsapuri atau pemilik bangunan komersil, bayaran yang dikenakan lebih rendah dan hanya perlu dibayar enam bulan sekali," katanya.

Katanya tindakan segera perlu diambil ekoran beberapa penduduk yang ditemui di sekitar kampung di Balik Pulau dan Teluk Bahang berhasrat mengepam tangki mereka sendiri dan menyalurkan sisa kumbahan ke dalam longkang atau sungai kerana tidak mampu menampung kos.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975695>